



AKHBAR	: BERITA HARIAN
TARIKH	: 7/2/2017
JABATAN	: NRE / JMG / BAUKSIT
KLASIFIKASI	: PERHATIAN

KES LEMAS KOLAM BAUKSIT

'Saya lega kolam ragut nyawa anak dikeringkan'

➔ Bapa Nureen Ain Juwita bimbang kejadian serupa bakal menimpa kanak-kanak lain

Oleh Amin Ridzuan Ishak
aminridzuan@bh.com.my

► Kuantan

"Saya lega lihat air kolam meragut nyawa anak saya dikeringkan," kata Mohd Sharif Awang Ngah, 50, bapa Nureen Ain Juwita, seorang daripada tiga kanak-kanak yang lemas di kolam bekas lombong bauksit di Taman Sungai Karang Jaya, dekat sini, Sabtu lalu.

Mohd Sharif yang bekerja sebagai pengawal keselamatan berkata, hatinya tidak tenteram sejak kejadian menimpa anak bongsunya itu kerana bimbang ia bakal berulang dan menyebabkan kanak-kanak lain yang tinggal ber-

hampiran menjadi mangsa.

"Kalau kami tengok air kolam ini memang menakutkan dan dalam, bahaya bagi sesiapa sahaja yang mungkin terjatuh, terutamanya kanak-kanak.

Harap jadi iktibar

"Lega melihat airnya dikeringkan selepas dibuat longkang untuk mengalirkan air hari ini (semalam). Saya berharap ia menjadi iktibar kepada semua pihak," katanya ketika ditemui di perkilangan kolam berkenaan di sini, semalam.

Kerja-kerja mengorek longkang bagi mengalirkan air pada kolam berkenaan bermula semalam pada jam 12 tengah hari dan siap kira-kira jam 1.30 petang.

Kerja berkenaan adalah inisiatif

UMNO Bahagian Indera Mahkota apabila penduduk di situ meminta supaya kolam berkenaan dapat ditimbus sebagai langkah keselamatan seperti diarahkan Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah.

Tengku Abdullah arah timbus bekas lombong

Tengku Abdullah kelmarin mengarahkan pihak bertanggungjawab menimbus semula kawasan bekas lombong bauksit di negeri ini terutama yang berdekatan penempatan penduduk bagi mengelakkan kejadian tidak diinginkan seperti berlaku pada Sabtu lalu.

Sementara itu, Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Indera Mahkota, Rahman Bakar yang menin-

jau kerja berkenaan, berkata pihaknya menyelaraskan kerja membuat longkang berkenaan selepas mendapat permintaan daripada penduduk.

"Jengkaut disediakan oleh kontraktor berhampiran lebih mudah untuk dibawa ke sini, kami pun ada menyediakan jentera lain sekiranya diperlukan" katanya.

Dalam pada itu, penduduk Taman Sungai Karang Jaya, Azi Yadi Abdullah, 46, berkata pihaknya berterima kasih kepada pihak yang memberikan bantuan berkenaan dan ia sedikit sebanyak melegakan mereka.

"Apabila air kolam sudah kering mungkin ia dapat mengelak sebarang kejadian tidak diinginkan seperti berlaku tempoh hari," katanya.



Penduduk melihat kerja mengorek longkang dengan jengkaut untuk mengeringkan bekas lombong bauksit di Taman Sungai Karang Jaya, Kuantan, semalam.

5 bekas lombong dekat kawasan perumahan

[FOTO SHAHRINNAHAR LATIB/BH]



Andansura (empat dari kanan) menunjukkan salinan laporan polis berkaitan kes tiga kanak-kanak lemas di Balai Polis Beserah, semalam.

Kuantan: Bukan dua tetapi sekurang-kurangnya lima kawasan bekas lombong bauksit dikenal pasti berada berdekatan kawasan perumahan di sekitar Beserah, dekat sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Beserah, Andansura Rabu, berkata lima kawasan itu ialah dua masing-masing di Sungai Karang dan Kampung Jeram dan satu bekas lombong di Kampung Alor Batu berhampiran Jabor, dekat sini.

Beliau berkata, kawasan itu dikenal pasti oleh pihaknya sehingga semalam dan tidak menolak kemungkinan bahawa masih banyak lagi tapak lombong ditemui jika siasatan terperinci dilakukan.

Katanya, pihak berkuasa perlu menjalankan siasatan lanjut dan mengenal pasti pihak terbabit sehingga menyebabkan kehilangan tiga nyawa kanak-kanak berkenaan.

"Saya harap polis dapat menjalankan siasatan segera dan da-

lam masa sama dapat mengenal pasti punca kecuaiannya sehingga mengakibatkan insiden seperti ini seterusnya mengambil tindakan segera dan bawa mereka yang terbabit ke muka pengadilan.

Tak mahu kejadian berulang

"Kami tidak mahu kejadian sama berulang terhadap kanak-kanak yang lain.

"Saya percaya kalau tidak buat laporan polis, pasti tidak ada tindakan. Jadi disebabkan itu laporan polis itu penting bagi tindakan selanjutnya," katanya yang ditemui selepas membuat laporan polis berkaitan kes kematian tiga kanak-kanak lemas di Balai Polis Beserah di sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 5 petang, tiga kanak-kanak termasuk dua beradik iaitu Sasabilla Zuhairi, 12, dan Mahathir Mohamad, 7, serta Nureen Ain Juwita Mohd Sharif, 10, lemas di kolam bekas lombong bauksit.